



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

NOTA PERCAKAPAN TINJAUAN DAN MENYANTUNI KLIEN

TUJUAN

1. Hari ini saya telah turun menyantuni wanita-wanita warga emas dan ibu tunggal yang terkesan semasa pandemik COVID-19.
2. Tujuan saya turun menyantuni para wanita ini bagi bertanya khabar dan meninjau keadaan serta keperluan mereka seterusnya melihat TINDAKAN INTERVENSI pihak Kementerian untuk membantu wanita-wanita ini meneruskan kelangsungan hidup.

MAKLUMAT KLIEN PERTAMA

3. Klien yang pertama merupakan seorang wanita warga emas berusia 80 tahun bernama Puan Yong Soo Shin @ Soo Ooi Kum yang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) masalah pembelajaran dan menerima Bantuan Warga Emas JKM sebanyak RM500 sebulan. Beliau tinggal seorang diri di rumah tersebut.

MAKLUMAT KLIEN NO.2

4. Klien kedua, Puan Veagilam A/P Eassee merupakan warga emas yang berumur 83 tahun, telah kematian suami dan juga tinggal berseorangan.

MAKLUMAT KLIEN NO.3

5. Klien ketiga, Puan Suriani Binti Yunus, berumur 55 tahun yang bekerja sebagai *cashier* dengan pendapatan RM1,000 sebulan. Beliau merupakan seorang ibu tunggal dan mempunyai empat (4) orang anak serta seorang cucu.

SUMBANGAN YANG DISAMPAIKAN

6. Pada hari ini saya telah menyampaikan bantuan kepada ketiga-tiga klien seperti berikut:

- (i) **Bakul Prihatin Negara;**
- (ii) **Kotak Kasih YKN yang mengandungi makanan “*ready-to-eat*” dan**
- (iii) **Khidmat sokongan Kaunseling.**

7. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus menjaga **kepentingan dan kebajikan kumpulan sasar khususnya Wanita, Warga Emas, Orang Kurang Upaya dan Kanak-kanak** yang memerlukan khidmat sokongan dan bantuan agar kesejahteraan dan kebajikan mereka tidak terabai.

HARAPAN

8. **Saya berharap, usaha ini dapat meringankan beban mereka yang sedang menghadapi saat sukar.**
9. Saya menyeru **masyarakat agar menjadi “mata dan telinga” kepada pihak Kerajaan, dan terus memupuk sikap ambil peduli dan melaporkan nasib golongan yang memerlukan kepada Kementerian saya.**
10. Masyarakat boleh melaporkan terus sebarang isu sosial kepada **Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam atau menghubungi PKMD yang berhampiran.**

#MalaysiaPrihatin #PrihatinBersama

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Sehingga **28 Julai 2021**, jumlah **permohonan** Bakul Prihatin Negara adalah sebanyak **342,432 permohonan**.
2. Sebanyak **28,983 Bakul Prihatin Negara telah diagihkan** dan telah memberi manfaat kepada **103,549 penerima**.
3. Bagi Kuala Lumpur **sebanyak 19,524 permohonan diterima dan sedang disantuni oleh Skwad Prihatin Negara**.
4. Dari segi permohonan mengikut negeri, **Selangor mencatatkan permohonan paling tinggi sebanyak 81,182 permohonan**.
5. **Tindakan intervensi untuk mempercepatkan penghantaran BPN dengan penambahan kekuatan tambahan kepada Skwad Prihatin Negara (SPN) yang sedia ada seperti berikut:**
 - (i) **Sukarelawan JKM : 9876 orang**
 - (ii) **Sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah: 2035 orang**
 - (iii) **Skwad WAJA: 1281 orang**
 - (iv) **Sukarelawan YKN dan LPPKN: 400 orang**

Ringkasnya,

JUMLAH KEKUATAN TAMBAHAN: 13,592 orang

JUMLAH KEKUATAN SPN SEDIA ADA: 5,134

TOTAL KEKUATAN KESELURUHAN:18,726